

UiTM anjur sukan untuk kolej-kolej bersekutu

SHAH ALAM - Buat julung kalinya, Universiti Teknologi MARA (UiTM) menganjurkan Kejohanan Sukan Kolej-kolej Bersekutu UiTM 2008 yang bermula dari 15 hingga 18 Mei ini.

Timbalan Naib Canselor Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Datuk Dr Nasuddin Othman berkata, kejohanan sukan yang dianjurkan buat kali pertama tersebut bertujuan untuk merapatkan lagi silaturahim antara kolej-kolej bersekutu UiTM.

"Saya percaya, penglibatan dalam sukan dapat membantu pelajar-pelajar menjadi lebih cerias, aktif serta berdisiplin untuk melahirkan graduan yang mahir di dalam bidang profesional masing-masing," katanya ketika hadir pada majlis perasmian kejohanan tersebut di Kompleks Sukan UiTM Shah Alam, semalam.

Sebanyak 16 kolej di bawah kendalian UiTM mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut untuk menyertai lima acara yang dipertandingkan iaitu futsal lelaki dan wanita, badminton lelaki dan wanita serta bola jaring.

Sementara itu, pada 13 dan 14 Mei yang lepas, Pusat Sukan UiTM turut menganjurkan Kursus Pengurusan Sukan yang melibatkan 55 peserta dari kolej-kolej bersekutu yang mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut.

Kursus yang dibentangkan oleh pensyarah-pensyarah dari Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi serta pegawai-pegawai Pusat Sukan UiTM itu bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai pengurusan sukan secara teratur dan berkesan.

